

SULIT

45/1
Pendidikan Islam
Ogos 2011
2 Jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2011**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PENDIDIKAN ISLAM**

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا
 أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا قُلْ وَمَا يَنْفِقُونَ قُلْ أَلْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
 الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

(سورة البقرة : 219)

Ayat di atas menerangkan tentang pengharaman arak dan judi.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan arak [2 markah]
- (ii) برداسر كن أية پاتاكن فعرتين كلمة يغ بركاريس [2 markah]
- (iii) Nyatakan hukuman yang dikenakan ke atas peminum arak [2 markah]
- (iv) Cadangkan **dua** cara untuk menghindarkan orang Islam minum arak dan berjudi [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْحَارِثِ بْنِ عَاصِمِ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : الطُّهُورُ شَطْرُ
 الْإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأَانِ أَوْ تَمْلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاءِ
 وَالْأَرْضِ وَالصَّلَاةُ نُورٌ وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ وَالْقُرْءَانُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ
 كُلَّ النَّاسِ يَعْدُو فَبَائِعُ نَفْسِهِ فَمَعَتَهَا أَوْ مُؤَبِّقُهَا

(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan amalan-amalan yang membawa kecemerlangan kepada mukmin.

- (i) Tulis semula potongan hadis yang membawa maksud "sembahyang itu cahaya". [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah ibadat solat boleh membawa kepada perpaduan umat Islam [4 markah]

(c) Tulis semula rangkai kata yang bergaris dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i) Doa ialah lambang kesatuan umat, iaitu orang Islam berdoa bukan sahaja
 untuk dirinya, malah juga untuk seluruh umat Islam. Doa melahirkan umat
 (iii)
 Islam yang optimis, cekal dan tidak mudah putus asa kerana mereka yakin
 (iv)
 kepada ketentuan Allah.

[4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
مُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

(سورة ال عمران : 159)

Ayat di atas menerangkan tentang cara berdakwah yang berkesan.

- (i) Setiap umat Islam wajib melaksanakan dakwah dalam kehidupan. [2 markah]
Apakah yang dimaksudkan dengan dakwah
- (ii) برداسر كن آية پاتاكن فغرتين كلمة يع بركاريس [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** ciri pendakwah yang unggul [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** kebaikan bersifat lemah lembut dalam pertuturan dan pergaulan semasa berdakwah [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ
لَنْ تَضِلُّوا مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ
(رواه مالك)

Hadis di atas menerangkan tentang pegangan orang Islam

- (i) Nyatakan **dua** sumber rujukan utama orang Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat menolak ajaran al-Quran dan hadis nabi [4 markah]

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi

Kezaliman akan melahirkan manusia yang tidak bertanggungjawab, kehidupan masyarakat akan menjadi kucar-kacir, serta timbul perasaan dendam yang mengakibatkan pergaduhan dan permusuhan sesama sendiri

[4 markah]

Bahagian B

[80 markah]

Jawab semua soalan

- 3 (a) Akidah adalah asas kesempurnaan iman.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan akidah [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** perkara yang merosakkan akidah dari segi perbuatan. [4 markah]
- (b) Allah SWT Maha Bijaksana dalam mencipta makhlukNya
- (i) Nyatakan **dua** tanda-tanda Allah SWT bersifat al-Hakim [4 markah]
 - (ii) Apakah amalan yang bercanggah dengan konsep al-Hakim [2 markah]
- (c) Rasul diutuskan untuk menyampaikan wahyu kepada umatnya
- (i) Nyatakan **dua** Rasul Ulul Azmi [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ciri Rasul Ulul Azmi [4 markah]
 - (iii) Sifat basyariah (بشرية) merupakan sifat harus bagi Rasul. Berikan **dua** contoh sifat tersebut. [2 markah]

4 (a) Jadual 1 di bawah adalah berkaitan dengan rukun khutbah Jumaat.

Rukun Khutbah Jumaat	
1	Memuji Allah
2	
3	Mengingatkan Jemaah supaya bertakwa
4	Membaca sekurang-kurangnya satu ayat al-Quran
5	

Jadual 1

- (i) Lengkapkan Jadual 1 dengan jawapan yang betul. [2 markah]
- (ii) Nyatakan hikmah khutbah Jumaat. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perkara sunat khutbah Jumaat. [4 markah]
- (b) Pengurusan jenazah merupakan tanggungjawab orang yang hidup terhadap orang yang telah meninggal dunia.
- (i) Senaraikan **empat** perkara yang wajib dilakukan terhadap orang yang telah meninggal dunia. [4 markah]
- (ii) Jelaskan tindakan awal yang sunat dilakukan ketika berlaku kematian. [2 markah]
- (iii) Mengapakah mayat manusia perlu dikebumikan? [2 markah]

Soalan 4 (c) (i) hingga Soalan 4 (c) (iv)

Wajib	Sunat	Harus	Makruh	Haram
-------	-------	-------	--------	-------

Jadual 2

(c) Berdasarkan Jadual 2 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:

- (i) Encik Zaki membayar zakat ternakan untuk 40 ekor kambing setelah genap setahun. [1 markah]
- (ii) Hasan menyamak kulit anjing untuk dibuat kompang. [1 markah]
- (iii) Imam bertakbir dan bertasbih sebelum membaca Al-Fatihah ketika menunaikan solat sunat Aidilfitri. [1 markah]
- (iv) Zainab menunaikan solat zuhur sambil duduk kerana kakinya sakit. [1 markah]

- 5 (a) Pembukaan Kota Mekah berlaku pada bulan Ramadan tahun ke lapan Hijrah
- (i) Berapakah bilangan tentera Islam semasa peristiwa ini berlaku [1 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** strategi Rasulullah SAW semasa pembukaan Kota Mekah. [4 markah]
- (iii) Apakah langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan Kota Mekah. [2 markah]
- (b) Saidina Umar al-Khattab merupakan pentadbir yang unggul
- (i) Apakah gelaran yang diberikan kepada beliau? [1 markah]
- (ii) Mengapakah gelaran tersebut diberikan kepada beliau [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** contoh keberanian Saidina Umar al-Khattab [4 markah]
- (c) Soalan 5(c)(i) dan 5(c)(ii)

قَائِمًا	الدُّنْيَا	عَذَاب	يَقُول	التَّجْرَةَ	أَنْفَضُوا
----------	------------	--------	--------	-------------	------------

Jadual 3

Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang diberikan dalam Jadual 3 di atas. Anda dikehendaki menulis huruf dan jawapan sahaja.

- (i) وَمِنْهُمْ مَنْ (P) رَبَّنَا آتِنَا فِي (Q) حَسَنَةً فِي الْآخِرَةِ
(سورة البقرة : 201) حَسَنَةً وَقِنَا (R) النَّارِ ﴿٢١﴾

[3 markah]

- (ii) وَإِذَا رَأَوْا تِجْرَةً أَوْ هَمًّا (S) إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ (T) قُلْ مَا عِنْدَ
اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ اللَّهِ وَمِنْ (U) وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾
(سورة الجمعة: 11)

[3 markah]

- 6 (a) Kita dituntut menjaga hubungan baik dalam kalangan ahli keluarga.
- (i) Senaraikan **empat** orang yang termasuk dalam kalangan ahli keluarga. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** cara untuk merapatkan hubungan antara ahli keluarga. [4 markah]
- (b) Solat merupakan ibadat yang terpenting dalam Islam
- (i) Apakah maksud ibadat? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadat dengan adat. [4 markah]
- (c) Usaha menjaga harta sekolah adalah tanggungjawab bersama antara guru, pelajar dan pekerja.
- (i) Bagaimanakah setiap pelajar menjaga harta sekolah? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor berlakunya perbuatan merosakkan harta sekolah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

**45/1
Pendidikan Islam
Ogos 2011
2 Jam**



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2011**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PENDIDIKAN ISLAM**

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

			SKIMA JAWAPAN	
			PERCUBAAN PENDIDIKAN ISLAM PMR	
NO SOALAN		JAWAPAN		MARKAH
1	(a)	(i)	Maksud arak ialah: - Semua jenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan / mengkhayalkan.	1 x 2m = 2 m
		(ii)	Maksud kalimah: - Dosa - Supaya kamu berfikir -	1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m
		(iii)	Hukuman terhadap peminum arak. - 40 kali sebatan / rotan	1 x 2m = 2 m
		(iv)	Dua cara hindarkan umat Islam dari minum arak dan berjudi: - Menutup tempat-tempat perjudian / arak - Menguatkuasakan undang-undang terhadap orang Islam - Melaksanakan undang-undang Islam - Menangkap orang yang berjudi - Memusnahkan tempat-tempat perjudian tersebut - Memenjarakan dan memberi hukuman terhadap peminum arak dan penjudi.	2 x 2m = 4 m
	(b)	(i)	Potongan kalimah : sembahyang itu cahaya الصلاة نور	1 x 2m = 2 m
		(ii)	Solat boleh membawa perpaduan umat Islam dengan : - Mengerjakan solat secara berjemaah - Berkenalan antara satu sama lain - Saling bersalaman selepas selesai solat - Mengaminkan bacaan doa bersama-sama - Membetulkan saf - Mengaminkan al-Fatihah - Mengikut setiap perbuatan imam	2 x 2m = 4 m

[Lihat Sebelah]

			Menjawabkan	
	(c)	(i)	- اياه لمبيغ كساتوان اومت	4 x 1 m = 4 m
		(ii)	- إسلام بردعاء بوكن سهاج	
		(iii)	- تيدق موده فوتوس اسا	
		(iv)	- يقين كقد كنتوان الله	
			<u>Kaedah pemotongan markah :</u> <ul style="list-style-type: none"> - Satu pernyataan satu markah - Kesalahan lebih daripada separuh pernyataan tiada markah. - Huruf cerai tidak di terima - Ejaan mengikut jawi DBP 	

[Lihat Sebelah]

2	(a)	(i)	Pengertian dakwah: <ul style="list-style-type: none"> - Menyeru atau mengajak manusia beriman dan beribadat kepada Allah SWT dengan melakukan perkara yang disuruh serta meninggalkan perkara yang dilarang 	1 x 2m = 2 m
		(ii)	Maksud kalimah : <ul style="list-style-type: none"> - Rahmat - Orang-orang yang bertawakal 	1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m
		(iii)	Dua ciri pendakwah yang unggul ialah : <ul style="list-style-type: none"> - Tabah menghadapi cabaran / dugaan - Tidak berputus asa/ tidak kecewa - Berlemah lembut - Memaafkan orang lain - Memohon keampunan untuk orang lain - Bertawakal dalam pelaksanaan (Mana-mana jawapan muhasabah di terima) 	2 x 1m = 2 m
		(iv)	Dua kebaikan bersifat lemah-lembut ialah : <ul style="list-style-type: none"> - Islam akan mudah diterima - Orang kafir akan tertarik kepada Islam - Melembutkan hati orang kafir untuk berubah menjadi seorang yang beriman - Islam mudah disebarkan - Di sukai / disayangi masyarakat - Mendapat keredaan Allah 	2 x 2m = 4 m
	(b)	(i)	Dua sumber rujukan: <ul style="list-style-type: none"> - Al-Quran/al-Furqan/Al-Kitab/At-Tanzil/Az-Zikru - Hadis/Sunnah/Sunnah Nabi 	1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m
		(ii)	Dua akibat menolak ajaran Al-Quran dan Hadis: <ul style="list-style-type: none"> - Hidup dalam kesesatan/terpesong dari agama/terkeluar dari agama/murtad. - Jauh daripada hidayah Allah - Akan di azab di akhirat kelak/dimurkai Allah/berdosa - Hidup tidak diberkati - Amalan yang dilakukan tidak diterima Allah 	

[Lihat Sebelah]

		<ul style="list-style-type: none"> - Umat Islam akan bergaduh sesama sendiri - Tidak mendapat syafaat Rasul di akhirat kelak - Penyakit sosial akan berlaku dalam masyarakat - Maksiat berleluasa 	2 x 2m = 4 m
--	--	---	--------------

(c)		<p>كظاليمن اكن ملاهير كن مائسي يث تيدق / برتغكوغجواب , كهيدوثن مشاركت اكن منجادي / كوچر - كاجير سرتا تيمبول فراساءن دندم يث / معقبيتكن فر كادوهن دان فر موسوهن سسام سنديري</p> <p><u>Kaedah pemotongan markah :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Satu potongan ayat satu markah. - Kesalahan lebih daripada separuh potongan ayat tiada markah - Huruf cerai tidak diterima. - Ejaan mengikut Jawi DBP 	4 x 1m = 4 m
-----	--	---	--------------

[Lihat Sebelah]

3	(a)	(i)	Akidah ialah: Kepercayaan dan keyakinan yang mantap tentang kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaanNya berdasarkan dalil naqli dan akli	1 x 2m = 2m
		(ii)	Dua perkara yang merosakkan akidah dari segi perbuatan: <ul style="list-style-type: none"> - Menyembah selain daripada Allah seperti pokok dan syaitan - Memakai lambang mana-mana agama seperti salib dan tatu - Menghina al-Quran seperti mengubah , memijak , mencampak, mengoyak, membakar - Menyertai upacara agama lain seperti upacara penyembahan berhala dan penyucian dosa - Sujud selain daripada Allah seperti sujud kepada manusia dan batu 	2 x 2m = 4m
	(b)	(i)	Dua tanda-tanda Allah bersifat al-Hakim: <ul style="list-style-type: none"> - Cap jari manusia - Pohon hijau / proses fotosintesis - Penciptaan laut dan sungai / air laut masin air sungai tawar 	2 x 2m = 4m
		(ii)	Amalan-amalan yang bercanggah dengan konsep al-Hakim: <ul style="list-style-type: none"> - Menyalahgunakan nikmat akal untuk melakukan kejahatan - Memandang rendah orang yang berilmu pengetahuan - Malas berfikir dan tidak berusaha membuat perubahan ke arah kebajikan dan kemajuan - Banyak berkhayal dan berangan-angan 	1 x 2m = 2m
	(c)	(i)	Dua Rasul Ulul Azmi <ul style="list-style-type: none"> - Nabi Ibrahim - Nabi Noh - Nabi Musa - Nabi Isa - Nabi Muhammad SAW 	2 x 1m = 2m

[Lihat Sebelah]

	(ii)	<p>Dua ciri Rasul Ulul Azmi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki sifat yang cekal dan tabah - Paling banyak menanggung pelbagai ujian dalam perjuangan - Sabar dan mempunyai keazaman yang kuat ketika berdepan dengan musuh - Mempunyai sifat kecekalan dalam perjuangan menegakkan agama Allah 	2 x 2m = 4m
	(iii)	<p>Dua contoh sifat Basyariah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Makan - Minum - Tidur - Berjalan - Beristeri - Penat - Sakit yang tidak menjejaskan martabat kenabian - Menanggung kesusahan - Tidak ada sifat yang boleh menjatuhkan darjat kerasulan seperti gila 	1 x 2m = 2m

[Lihat Sebelah]

4	(a)	(i)	Melengkapkan Jadual: 2. Berselawat keatas Nabi. 5. Mendoakan orang - orang Islam.	$2 \times 1\text{m} = 2 \text{ m}$
		(ii)	Hikmah Khutbah Jumaat ialah: - Sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah Allah - Memiliki jiwa yang tenang , aman dan tenteram - Dapat mendengar nasihat yang baik - Menambahkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah - Mengambil iktibar dan pengajaran daripada isi khutbah yang disampaikan. - Sentiasa ingat-mengingati antara satu sama lain kearah kebaikan.	$1 \times 2\text{m} = 2 \text{ m}$
		(iii)	Dua perkara sunat khutbah Jumaat ialah : - Disampaikan di atas mimbar - Rukun khutbah disampaikan mengikut tertib - Memegang tongkat ketika berkhutbah - Memberi salam sebelum duduk di atas mimbar - Berpakaian kemas - Menyampaikan khutbah dengan fasih dan lancar - Menyampaikan dengan suara yang nyaring dan lantang - Khutbah ringkas dan padat	$2 \times 2\text{m} = 4 \text{ m}$
	(b)	(i)	Empat tanggungjawab yang wajib dilakukan ialah : - Memandikan Jenazah - Mengkafankan Jenazah - Menyembahyangkan Jenazah - Mengkebumikan Jenazah	$4 \times 1\text{m} = 4 \text{ m}$
		(ii)	Tindakan awal yang sunat dilakukan ketika berlaku kematian : - Menutup mata mayat - Mengikat dagu mayat kekepala agar mulutnya tidak	

[Lihat Sebelah]

			<p>ternganga.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melembutkan sendi-sendi anggota anggota mayat - Meletakkan sesuatu yang sederhana berat di atas perut mayat - Menutup badan mayat agar tidak terbuka auratnya. 	1 x 2m = 2 m
		(iii)	<p>Mayat manusia perlu dikebumikan kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memuliakan keturunan Adam - Agar tidak dimakan oleh binatang buas - Supaya tidak berbau 	1 x 2m = 2 m
	(c)		<p>Hukum:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Wajib (ii) Haram (iii) Sunat (iv) Harus 	<p>1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m 1 x 1m = 1 m</p>

[Lihat Sebelah]

5	(a)	(i)	Bilangan tentera Islam semasa peristiwa pembukaan Kota Mekah: 10,000 orang tentera	1 x 1m=1m
		(ii)	Dua strategi Rasulullah SAW semasa pembukaan Kota Mekah: <ul style="list-style-type: none"> - Mengemukakan tiga tuntutan terhadap Musyrikin Quraisy - Mendirikan khemah - Menyalakan unggun api - Tawaran keselamatan 	2 x 2m =4m
		(iii)	Langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan Kota Mekah: <ul style="list-style-type: none"> - Memusnahkan berhala di sekeliling Kaabah - Solat Sunat 8 rakaat di makam Ibrahim - Laungan azan oleh Bilal bin Rabah - Memberi ucapan pertama kepada penduduk Mekah - Memberi pengampunan kepada musuh 	1 x 2m= 2m
	(b)	(i)	Gelaran Saidina Umar al-Khattab: - al-Faruq (Pemisah antara hak dengan batil)	1 x 1m=1m
		(ii)	Gelaran tersebut diberikan kerana: Pemisah antara hak dengan batil	1 x 2m=2m
		(iii)	Dua contoh keberanian Saidina Umar al-Khattab <ul style="list-style-type: none"> - Mengistiharkan keislamannya secara terang-terang - Mencabar sesiapa yang berani menghalangnya berhijrah ke Madinah - Solat secara terang-terangan di Masjidil Haram 	2 x 2m=4m

[Lihat Sebelah]

	(c)	(i)	(P) - يَقُولُ	1m
			(Q) - الدُّنْيَا	1m
			(R) - عَذَاب	1m
		(ii)	(S) - أَنْفَضُوا	1m
			(T) - قَائِمًا	1m
			(U) - التَّجْرَةَ	1m

[Lihat Sebelah]

6	(a)	(i)	<p>Empat orang yang termasuk ahli keluarga seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayah - Ibu - Datuk - Nenek - Adik - Abang - Kakak - Bapa saudara - Mak saudara - Sepupu sebelah ayah dan ibu 	4 x 1m = 4m
		(ii)	<p>Dua cara untuk merapatkan hubungan ahli kekuarga ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah sentiasa ziarah-menziarahi / kerana boleh mengeratkan hubungan persaudaraan. - Hendaklah memberi salam ketika berjumpa / kerana ia melambangkan syiar Islam. - Kita hendaklah beradap sopan ketika bercakap / supaya hati menjadi tenang. - Kita juga hendaklah mengasihi yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua / agar kehidupan lebih harmoni. - Kita hendaklah nasihat-menasihati kearah kebaikan / supaya amar maaruf dapat dilaksanakan dengan baik. - Setiap ahli keluarga mesti bekerjasama dalam perkara kebaikan / untuk menjamin perpaduan. <p style="text-align: center;">(1 isi dan 1 huraian)</p>	2 x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p>Maksud ibadat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Amalan / perlakuan / perbuatan manusia yang telah ditentukan oleh syariat Islam (1 m) / untuk mendekatkan diri kepada Allah. (1 m) / seperti solat, berzikir dan sebagainya. 	1 x 2m = 2m

[Lihat Sebelah]

		(ii)	Dua perbezaan antara ibadat dengan adat ialah :																			
			<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Ibadat</th> <th>Adat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Ditentukan oleh syariat</td> <td>Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Tidak boleh diubahsuai</td> <td>Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Terdiri daripada perkara wajib dan sunat</td> <td>Terdiri daripada perkara harus</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Mendapat pahala daripada Allah</td> <td>Mendapat pahala mengikut niat</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Bedasarkan al-Quran dan hadis</td> <td>Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan hadis dan ada yang bertentangan</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Ibadat	Adat	1	Ditentukan oleh syariat	Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat	2	Tidak boleh diubahsuai	Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat	3	Terdiri daripada perkara wajib dan sunat	Terdiri daripada perkara harus	4	Mendapat pahala daripada Allah	Mendapat pahala mengikut niat	5	Bedasarkan al-Quran dan hadis	Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan hadis dan ada yang bertentangan	2 x 2m = 4m
Bil	Ibadat	Adat																				
1	Ditentukan oleh syariat	Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat																				
2	Tidak boleh diubahsuai	Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat																				
3	Terdiri daripada perkara wajib dan sunat	Terdiri daripada perkara harus																				
4	Mendapat pahala daripada Allah	Mendapat pahala mengikut niat																				
5	Bedasarkan al-Quran dan hadis	Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan hadis dan ada yang bertentangan																				
	(c)	(i)	<p>Setiap pelajar menjaga harta sekolah dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan peralatan sekolah dengan cermat - Melaporkan kerosakkan kepada guru berkenaan - Setelah menggunakan, meletakkannya ketempat asal dengan baik - Menjaga seperti harta sendiri - Bergotong-royong membaik pulih peralatan yang rosak. 	1 x 2m = 2m																		
		(ii)	<p>Dua faktor berlakunya perbuatan merosakkan harta sekolah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kurang rasa tanggungjawab dikalangan pelajar - Belajar ilmu tetapi tidak diamalkan - Tidak bersyukur dengan kemudahan yang ada - Tidak berminat untuk belajar - Jahil ilmu agama - Tidak mengambil iktibar dengan kesusahan orang lain - Tidak mengenang budi - Biasa hidup dalam kemewahan. 	2 x 2m = 4m																		

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat Sebelah]